

MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS 'SENIOR TRAINER COURSE' (STC) SIRI 30/2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4790-majlis-pembukaan-kursus-senior-trainer-course-stc-siri-30-2019

TANJUNG BUNGAH, 8 Apr 19 - Institut Kepimpinan Dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus 'Senior Trainer Course' Siri 30/19.

Kursus yang dijalankan selama 4 minggu ini dihadiri seramai lapan pegawai dan 15 anggota LLP yang terdiri daripada pelbagai unit latihan di dalam TUDM. Majlis Pembukaan kursus tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Bahagian Tadbir INSKEP, Mej Abd Rahim bin Ahmad TUDM.

Turut hadir Ketua 'Training Management School (TMS)' INSKEP, Kapt Mohd Firdaus bin Abd Aziz TUDM, Ketua 'Training Support and Services (TSS)' INSKEP, Kapt Ahmad Zarulhafiz bin Ahmad Zakaria TUDM dan staf INSKEP.

